

13 OCT 2001

KOH-ICT

PULAU PINANG SAMBUT BAIK SERUAN PM SUPAYA MELABUR LEBIH BANYAK DALAM ICT

PULAU PINANG, 13 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata, Pulau Pinang menyambut baik seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya melaburkan lebih banyak wang bagi memajukan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Katanya, ini akan membolehkan negeri itu bebas daripada pergantungan kepada sektor perindustrian dan perniagaan yang banyak menggunakan tenaga kerja.

"Kita sedang menghadapi tempoh yang mencabar, yang memerlukan gabungan usaha dan sinergi ahli-ahli profesional dan pakar-pakar dalam bidang sains dan teknologi," katanya ketika merasmikan persidangan Chapter Akauntan Awam Bertauliah (Australia) Malaysia di sini, hari ini.

Dr Koh berkata bahawa Singapura, yang jauh mendahului dalam sektor pembuatan, perindustrian dan ICT, juga menghadapi masalah yang serupa.

"Untuk terus kekal dalam ekonomi mundur yang menggunakan banyak tenaga buruh bererti kita memerlukan tenaga kerja import yang lebih besar dan upah yang tinggi untuk dibayar kepada mereka," katanya.

Bagaimanapun, kata Ketua Menteri, Pulau Pinang perlu mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D), keperluan tenaga kerja berkelayakan ICT, proses pembuatan dan teknologi kejuruteraan proses untuk terus berkembang. -- BERNAMA

GS MKO KY ZK